

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keuntungan/kerugian yang diperoleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi tempoh lima tahun (2011-2015) dan usaha Kementerian untuk meningkatkan keuntungan badan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) telah merekodkan jumlah kerugian terkumpul sebanyak RM682 juta bagi tempoh lima tahun iaitu dari 2011 hingga 2015.

Ekoran daripada kerugian berkenaan, Kerajaan sedang berusaha untuk mengatasi masalah kerugian yang dialami oleh KTMB melalui inisiatif-inisiatif yang telah dikenalpasti di bawah Program Transformasi KTMB. Ini bagi membolehkan KTMB menjadi sebuah syarikat penyedia pengangkutan awam kereta api yang mampan dari segi kewangan dan operasi.

Antara inisiatif-inisiatif yang telah digariskan di bawah Program Transformasi KTMB adalah seperti berikut:

- i. merealisasikan perjanjian *Railway Network Access Agreement* (RNAA) antara Perbadanan Aset Keretapi (PAK) bagi memuktamadkan peranan PAK sebagai pemegang aset kereta api dan KTMB sebagai operator kereta api;
- ii. menilai semula keperluan melupuskan pegangan saham dalam syarikat-syarikat usahasama. Melalui inisiatif ini, KTMB menjangkakan akan memperolehi hasil tunai melebihi RM300 juta yang akan dapat membantu memperbaiki aliran tunai KTMB;

- iii. membangunkan konsep *Transit Oriented Development* (TOD) di tanah dan stesen kereta api melalui kerjasama dengan pihak PAK dan pihak ketiga. Melalui inisiatif ini, KTMB akan memperoleh pendapatan berulang (*recurring income*) sebagai pendapatan tambahan daripada *non-fare revenue*;

- iv. KTMB juga sedang berbincang dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) bagi mendapatkan kadar tarif khas (*special tariff*) untuk perkhidmatan tren elektrik. Melalui inisiatif ini ia dapat membantu KTMB untuk mengurangkan kos tenaga elektrik yang dijangka akan bertambah memandangkan akan ada lebih banyak kereta api elektrik diperkenalkan di masa hadapan; dan

- v. KTMB juga sedang mengadakan rundingan kerjasama bijak (*smart collaboration*) dengan pihak ketiga untuk meneroka peluang-peluang perniagaan seperti penyelenggaraan stokereta dan infrastruktur di dalam dan luar negara.